

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

SOALAN:

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian statistik kes rasuah dan salahguna kuasa oleh pegawai dan kakitangan agensi mahupun badan Kerajaan bagi tahun 2020 hingga setakat ini.

**JAWAPAN: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI(PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun ini sehingga September 2020, SPRM telah membuka sebanyak 317 kertas siasatan bagi menyiasat kesalahan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan oleh pegawai kerajaan. Daripada jumlah ini, 342 tangkapan telah dilakukan terhadap penjawat awam di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.